

Muhyiddin: Jangan jadikan korban Aidiladha tempat terbuka isu
The Malaysian Insider
08 November , 2011
Oleh Lisa J. Ariffin

KUALA LUMPUR, 8 Nov — Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini menasihatkan masyarakat berbilang kaum tidak menjadikan penyembelihan ternakan korban sempena sambutan Aidiladha di tempat terbuka termasuk sekolah sebagai satu isu.

"Saya merasakan tiada sebab perkara ini seharusnya dibangkitkan, ini akan membawa kepada salah faham tentang sensitiviti Islam," kata Muhyiddin (gambar) kepada pemberita selepas dialog sempena Teach for Malaysia 2012 di sini.

"Di Malaysia, ini sebahagian daripada budaya sejak beberapa generasi. Kita melakukannya untuk orang miskin," kata beliau yang juga Menteri Pelajaran.

Semalam, Sekretariat Persefahaman dan Kerjasama Gerakan Dakwah menasihatkan badan mewakili bukan Muslim tidak menimbulkan isu-isu remeh-temeh yang "memalukan masyarakat negara ini" ekoran rasa tidak puas hati mereka berkaitan soal menyembelih ternakan korban di tempat awam sempena Aidiladha.

Hujung minggu lalu, Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao menggesa pihak berkuasa supaya tidak meneruskan amalan menyembelih lembu-lembu di pekarangan sekolah dan tempat-tempat awam.

"Kami menyarankan agar mereka dapat mencontohi rakan mereka di Singapura, Thailand dan Indonesia yang tidak menimbulkan isu remeh yang memalukan masyarakat di negara ini," kata kenyataan Sekretariat Persefahaman dan Kerjasama Gerakan Dakwah yang dianggotai Angkatan Belia Islam Malaysia, Ikatan Muslimin Malaysia dan Persatuan Ulama Malaysia.

Dalam kenyataannya, Sekretariat Persefahaman dan Kerjasama Gerakan Dakwah juga menegaskan Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao seharusnya menghargai sifat toleransi penganut agama Islam yang tidak masuk campur hal ehwal agama lain.

Pemimpin-pemimpin Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao berkata pihaknya menyuarakan kebimbangan bahawa upacara mengorbankan lembu, yang dianggap sebagai binatang suci oleh penganut Hindu akan diadakan di premis awam.

Sempena sambutan Aidiladha, upacara penyembelihan lazimnya dijalankan di pekarangan masjid, tetapi ada kalanya dilakukan di lokasi-lokasi lain seperti sekolah dan dewan orang ramai.

Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao menekankan bahawa pihaknya kurang senang apabila aktiviti seperti itu dijalankan di hadapan penduduk dan pelajar yang berbilang kaum dan budaya kerana ia tidak mengambil kira sensitiviti kanak-kanak sekolah dan masyarakat majmuk Malaysia.

Justeru, majlis itu merayu pihak berkenaan supaya menghormati sensitiviti masyarakat

berbilang agama dan memohon mereka untuk menghentikan upacara pengorbanan daripada dijalankan di sekolah-sekolah, institusi-institusi pengajian tinggi dan tempat-tempat awam lain.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/muhyiddin-jangan-jadikan-korban-aidiladha-tempat-terbuka-isu/>